

# Raikan Deepavali di perantauan, makanan tradisi ubat kerinduan

11/08/2021 P. 06

**KOTA KINABALU:** Rasa rindu menikmati makanan tradisi air dari tangan ibu sendiri sedikit terubat selepas dapat menjamah muruku dan manis, bekalan yang dibawa dari kampung baru-baru ini.

Itulah perasaan pelajar Universiti Malaysia Sabah (UMS) Logavenosh Raganawan, 22, ketika ditemui di Kuil Sri Pasupathinath Alayam selepas menyelesaikan sembahyang khas sempena Deepavali baru-baru ini.

"Atas usaha sekretariat Kesenian Kebudayaan dan Warisan India Malaysia (SEKWIM) UMS, saya dan 20 rakan-rakan yang tinggal di kampus dan yang menyambut Deepavali berseorangan di luar kampus dapat bersama-sama hadir ke sini bagi merayakan perayaan ini."

"Sebelum datang ke sini, saya juga ada buat panggilan video awal pagi dengan ibu dan ayah memandangkan ayah yang bertugas sebagai 'Station Master' di Bas Perak Transit terpaksa bekerja hari ini," katanya yang juga penuntut tahun tiga Fakulti Psikologi dan Pendidikan UMS.

Bagi pelancong dari Kuala Lumpur Doris Nesamalar, 39, kelonggaran kerajaan negeri membenarkan rentas negeri pada 1 November lalu, memberi peluang kepadanya dan keluarga untuk bercuti di negeri ini dan menyambut Deepavali di sini.

"Saya bersama suami dan tiga anak tiba di Sabah dua hari lepas dan sebelum ini sempat bercuti di Kundasang Ranau."

"Kami merancang untuk sembahyang di kuil dan dapat tahu dari internet, kuil ini dibuka kepada orang ramai untuk sembahyang jadi kami datang ke sini," katanya yang pertama kali bercuti ke Sabah bersama keluarga.

Menurutnya, ini juga pen-



LOGAVENOSH



DORIS

galaman pertama mereka sekeluarga menyambut Deepavali di luar Kuala Lumpur dan hanya melibatkan keluarga sendiri sahaja.

Katanya, pengalaman baru itu agak menyeronokkan dan mereka juga teruja kerana dapat sembahyang di kuil dan berjumpa dengan komuniti India yang semuanya mesra.

"Selepas ini kami akan melawat sepupu yang belajar di UMS dan akan mencari makanan India sebelum pulang ke Kuala Lumpur," katanya.

Sementara itu, bagi surirumah Datin Komathy Pulivendahn, 49, perayaan Deepavali tahun ini agak meriah sambutan kerana dapat bersama-sama tiga dari empat anaknya.

"Tahun ini, saya gembira dapat merayakan Deepavali bersama anak-anak memandangkan tahun lepas mereka tidak dapat bersama kerana belajar di Kuala Lumpur."

"Bagaimanapun, kami sedikit sedih disebabkan anak ketiga tidak dapat bersama-sama kerana baru sahaja pulang ke Amerika Syarikat pada Ogos lepas."

"Persiapan tahun ini agak sederhana, kami datang ke kuil pada sebelah pagi untuk sembahyang khas dan membantu pihak kuil mengaji-



KOMATHY

hkan bungkusan makanan kepada mereka yang hadir," katanya.

Beliau yang sudah menetap selama 17 tahun di negeri ini turut berperanan sebagai Bendahari Kuil Sri Pasupathinath Alayam di sini.

Katanya, antara menu istimewa yang disediakan untuk dinikmati bersama keluarganya adalah muruku, papadam, manis, nasi beriani, dal, ayam kurma, dan juga kambing varuval.

Untuk rekod lebih tiga ratus pengunjung beragama Hindu hadir melaksanakan upacara sembahyang khas sempena Deepavali di kuil berkenaan bermula jam 7 pagi hingga 9 malam mengikut prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan kerajaan.



**AGIH MAKANAN:** Komathy (kanan) menyampaikan bungkusan makanan kepada pelajar UMS Tharshini Govindasamy.



**SAMBUTAN:** Suasana sekitar upacara sembahyang khas Deepavali di Kuil Sri Pasupathinath Alayam.